

13/02/1997

Hanya kereta peronda terpacak di lebuhraya

Zam

KITA ucapkan selamat kembali kepada semua warga kota selepas bercuti panjang sempena Tahun Baru Cina dan Aidilfitri. Kebanyakan penghuni kota sudah pulang bekerja sejak semalam, sementara sesetengahnya masih bercuti sehingga Ahad ini, kira-kira beraya sakanlah sempena kongsi raya untuk tahun kedua.

Kalau sehari sebelum Tahun Baru Cina sehingga hari kedua Aidilfitri, jalan di Kuala Lumpur (KL) lengang, namun sejak kelmarin dari lebuhraya hinggalah jalan utama di KL, kembali sesak. Bayangkan 1.5 juta warga kota kembali ke KL selepas beraya. Kaum lain juga mengambil kesempatan bercuti panjang.

Pendek kata, pelbagai kaum bergembira dengan perayaan berkembar yang memberikan kita peluang bercuti panjang dan sekali gus menjauhi kesibukan KL untuk menikmati keheningan dan kemeriahan perayaan di kampung.

Malangnya, ketika rakyat Malaysia khususnya umat Islam baru sehari menyambut Aidilfitri, kita dipaparkan dengan berita sedih mengenai kemalangan maut di seluruh negara akibat nahas jalan raya yang bukan sedikit, iaitu 30 terkorban dalam satu hari.

Kemalangan maut pada hari raya pertama dilaporkan meningkat kepada tahap paling tinggi sejak Ops Pacak II dilancarkan pada akhir bulan lalu. Ops Pacak II yang dilancarkan pada 31 Januari hingga 18 Februari ini, pertama kali diperkenalkan tahun lalu pada Tahun Baru Cina dan Aidilfitri yang dilihat sebagai berjaya mengajar pemandu mengurangkan kelajuan khususnya di lebuhraya.

Malah Kementerian Pengangkutan sedang mengkaji kemungkinan mengemukakan cadangan melaksanakan Ops Pacak secara berterusan. Cadangan itu, menyebut Timbalan Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rastam berkata, kajian mendapati gerakan yang dijalankan sepanjang musim perayaan itu sedikit sebanyak menampakkan hasil dalam mengurangkan kes memandu laju, terutama di lebuhraya.

Di sinilah kita rasakan sedikit terkilan. Dalam pada Ops Pacak dikatakan berjaya mengurangkan kes memandu laju yang sepatutnya mengurangkan kemalangan, keadaan sebaliknya berlaku apabila 30 orang maut hanya pada hari raya pertama, 27 maut pada hari raya kedua dan ketiga, sekurang-kurangnya sembilan maut. Malah, mengikut laporan sejak Ops Pacak dilancarkan pada 31 Januari lalu, 200 kemalangan maut dicatat di seluruh negara!

Kalaupun polis trafik menyifatkan jumlah kemalangan maut untuk tempoh 11 hari itu masih rendah berbanding tempoh yang sama tahun lalu (239 korban di jalan raya dengan 6,411 kes kemalangan), kita melihat angka itu masih terlalu tinggi.

Siapa saja yang melihat angka kematian sehingga mencatat 200 orang hanya dalam tempoh 11 hari pastinya mempersoalkan keberkesanan Ops Pacak.

Dalam hal ini, rakyat Malaysia menghargai pengorbanan anggota polis yang terpaksa berjemur di tepi jalan dan lebuhraya untuk mengesan nombor pendaftaran kereta dan motosikal yang dipandu laju. Apapun, tidak kurang juga sesetengah anggota yang memilih duduk dalam kenderaan polis yang diletak di tempat strategik di tepi jalan dan lebuhraya bagi menjalankan Ops Pacak itu. Misalnya, pada hari raya kedua, ketika memandu dari Johor Bahru ke KL di sebelah pagi, kita lihat masing-masing sebuah kereta polis yang diletakkan di lima tempat strategik di sepanjang lebuhraya, tapi tidak pula kita nampak anggotanya, mungkin juga bertugas dari dalam

kereta!

Bercakap mengenai kemalangan maut, ternyata ia paling banyak membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal. Bagi tempoh 11 hari sejak Ops Pacak dilancarkan, 129 kes maut dicatatkan. Kemalangan motosikal paling banyak berlaku di jalan biasa dan ini pun bukan perkara baru. Kalau mengikut pengalaman, kemalangan khususnya membabitkan motosikal banyak berlaku di jalan biasa, mungkin pihak bertanggungjawab wajar memberi lebih tumpuan di jalan terbabit atau lebih tepat, jalan biasa yang paling kerap menjadi sasaran kemalangan!

Kita tidak persoalkan kesungguhan pihak bertanggungjawab dalam menjalankan Ops Pacak. Tetapi tidak salah jika sama-sama kita renungkan mengapa jumlah kemalangan dan korban akibat nahas jalan raya tidak banyak bezanya berbanding sebelum diadakan Ops Pacak.

Sepatutnya, pendekatan baru polis trafik itu lebih menakutkan pemandu dan penunggang motosikal, sebaliknya, ia seperti tidak banyak memberi kesan. Mungkin pihak bertanggungjawab kena cari jalan untuk ubah strategi yang lebih keras. Ia mungkin sukar, memandangkan pelbagai kempen keselamatan mahu pun Ops Pacak seperti tidak menakutkan lagi pengguna jalan raya.

Apapun, akhirnya, semua ini terpulang kepada pengguna jalan raya sendiri, sama ada sayangkan nyawa atau mahu menjadikan jalan dan lebuh raya sebagai gelanggang maut.

Malah, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri melahirkan rasa kesalnya terhadap sikap sesetengah pengguna jalan raya yang tingkar peraturan dan kerajaan katanya, sudah tidak boleh berbuat apa-apa lagi jika mereka, khususnya penunggang motosikal masih enggan mematuhi peraturan jalan raya.

(END)